

**Perhimpunan Bersih: Pihak Pendakwaan Tarik Balik Bantahan Awal
Bernama
13 September, 2012**

KUALA LUMPUR, 13 Sept (Bernama) -- Pihak pendakwaan menarik balik daripada membuat hujahan bantahan awal di Mahkamah Sesyen pada Khamis terhadap permohonan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang ingin merujuk satu persoalan perundangan ke Mahkamah Tinggi berhubung satu daripada tiga pertuduhan berkaitan perhimpunan Bersih 3.0.

Timbalan Pendakwa Raya Abdul Wahab Mohamad memberitahu Hakim Mahmud Abdullah bahawa setelah membuat rujukan, pihaknya membuat keputusan untuk menarik bantahan awal itu.

Dengan keputusan tersebut, permohonan Anwar serta Timbalan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR) Mohamed Azmin Ali akan didengar di Mahkamah Tinggi pada satu tarikh yang akan ditetapkan mahkamah berkenaan.

Dalam permohonan itu, Anwar berkata Mahkamah Tinggi perlu memutuskan sama ada Seksyen 4(1)(c) dan 4(2)(c) Akta Perhimpunan Aman 2012 bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan atau tidak.

Sementara itu, Mahmud menetapkan 31 Okt untuk mendengar satu lagi permohonan Anwar dan Mohamed Azmin untuk menggugurkan ketiga-tiga pertuduhan yang dihadapi mereka.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=694474>